

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
ABDUL RAHMAN BIN ABDULLAH
DIKIR LABO: KEBENARAN DISEBALIK DIKIR LABO

MOHD SYAUQI BIN MOHD ARIFIN	2015144471
NURUL AIN BT ZULKIFLI	2015143183

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UITM CAWANGAN KELANTAN

MAC - JULAI 2017

ABSTRAK

Abstrak: *Temubual ini adalah antara Abdul Rahman Bin Abdullah dengan Mohd Syauqi Bin Mohd Ariffin, Nurul Ain Binti Zulkifli mengenai Dikir Labo. Didalam laporan ini terdapat mengenai pencerita. Sepertinya latar belakang pencerita termasuk nama penuh beliau Pendidikan dan mengenai keluarga beliau. Terdapat juga pekerjaan beliau dari mula berkerja sebagai guru sehingga bersara. Selain itu, terdapat mengenai siapakah sumber inspirasi beliau dan bagaimana beliau boleh menceburi dalam Dikir Labo. Bahagian seterusnya ialah mengenai latar belakang Dikir Labo. Antara yang terdapat pada bahagian ini ialah bagaimanakah Dikir Labo boleh wujud di Kelantan, apakah maksud Dikir Labo, apakah syarat wajib bagu menyertai kumpulan Dikir Laba, mencipta lagu untuk Dikir Labo dan sebagainya. Bahagian seterusnya ialah cerita di sebalik Dikir Labo antaranya ialah apakah cerita rakyat yang berkaitan dengan Dikir Laba dan adakah benar Dikir Labo dianggap sebagai alat perpaduan dan sebagai hiburan pada ketika dahulu. Bahagian terakhir ialah apakah harapan pencerita untuk Dikir Laba dan termasuk cadangan beliau untuk mengembangkan Dikir Labo.*

Kata kunci: Dikir Labo, perpaduan, Kelantan, kesenian, latar belakang, harapan

PENGHARGAAN



Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah mengizinkan kami untuk menyiapkan projek ini. Kami juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kami kepada pensyarah kami Puan Kamariah bt Cik dan Puan Noor Rahmawati binti Alias kerana telah memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan projek ini. Seterusnya kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa kami kerana telah memberi sokongan moral dan membantu kami dari segi kewangan bagi menjayakan projek ini. Selain itu kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada kawan-kawan kami yang telah membantu kami dalam memberi idea untuk menyiapkan projek ini. Dan akhir sekali kami ingin mengucapkan setinggi tinggi penghargaan kepada Encik Abdul Rahman bin Abdul Rahim kerana telah bersetuju untuk ditemu bual oleh kami dan telah memberi komitmen dari segi masa dan seterusnya berkongsi ilmu beliau tentang Dikir Labo. Akhir sekali, kami ingin berterima kasih kepada semua orang yang menyokong dan menolong kami langsung dan tidak langsung dalam menyelesaikan tugas ini. Hanya Allah s.w.t boleh membalas jasa mereka.

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
MAKSAD	: Majlis Sukan Negeri Kelantan
DO	: Pegawai Daerah
EXCO	: Majlis Undangan Negeri yang dilantik
SK	: Sekolah Kebangsaan
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia
BA.HONS	: Ijazah kepujian
ADO	: Pegawai Tadbir Negeri
SUK	: Setiuasaha Negeri Kelantan
UiTM	: Universiti Teknologi MARA

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Abstrak.....	i
Penghargaan.....	ii
Senarai Singkatan.....	iii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemubual.....	v
Biodata Pencerita.....	vi
Pengenalan.....	1
Kajian Literatur.....	6
Transkrip.....	9
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	9
Bahagian 2:Latar Belakang Dikir Labo.....	28
Bahagian 3: Cerita Disebalik Dikir Labo.....	53
Bahagian 4: Harapan Pencerita.....	57
Rujukan.....	62
Indeks.....	63
Lampiran	
Log Temubual.....	65
Biografi Tokoh.....	76
Diari Kajian.....	77
Senarai soalan.....	79
Surat Perjanjian.....	88
Gambar, Sijil & Lain-lain.....	89

BIODATA PENEMUBUAL



Nama	Mohd Syauqi bin Mohd Arifin
Tarikh Lahir	2 December 2015
Tempat Lahir	Kelantan
Umur	22 tahun
Alamat	PT 152 Jalan Telipot 15150 Kota Bharu Kelantan
Pendidikan	Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Machang
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM 245)
Moto Hidup	Akhirat diutamakan, dunia jangan ditinggalkan



Nama	Nurul Ain bt Zulkifli
Tarikh Lahir	7 Ogos 1995
Tempat Lahir	Kelantan
Umur	22 tahun
Alamat	2663 Kampung Pintu Geng 15100 Kota Bharu Kelantan
Pendidikan	Diploma Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Machang
Program	Ijazah Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem (IM 245)
Moto Hidup	Let's not wait for the grass to grow

BIODATA PENCERITA



Nama	Encik Abdul Rahman bin Abdullah
Nama Pamggilan	Pok Mey
Umur	63 Tahun
Asal	Kampung Paloh, Palekbang Kelantan
Tarikh Lahir	27 Jun 1954
Bangsa	Melayu
Agama	Islam
Taraf Perkahwinan	Berkahwin
Kesihatan	Baik
Pencapaian Akademik	<ul style="list-style-type: none">• SK Morak• SK Kampung Laut• Sekolah Menengah Sultan Ismail Petra (SMIP)• UKM
No.Telefon	0139787313
Pekerjaan	Pesara Pengarah Muzium Negeri Kelantan

PENGENALAN

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Memetik rencana daripada Dewan Siswa (2012) sejarah lisan atau lebih dikenali dalam bahasa Inggeris “Oral History” merupakan sokongan kepada pencarian maklumat dan pengumpulan rekod dalam usaha untuk menjalankan penyelidikan dimana penerangannya diperolehi dalam bentuk lisan menjadi teknik utama dalam pengumpulan data. Sumber sejarah lisan adalah pencerahan tentang peristiwa yang lama telah berlalu diperolehi melalui sesi wawancara samada secara langsung pada individu terlibat, saksi kejadian, pendengar maklumat dan pemegang amanah bagi sesuatu peristiwa yang disampaikan. Dalam bidang pengurusan rekod sejarah lisan merupakan sumber primer yang menjadi bukti utama akan kesahihan maklumat yang diperolehi. Sumber primer merupakan sumber utama yang asli tiada tokoh tambah menjadi teras utama rujukan berkait langsung dengan sesuatu kejadian, situasi, peristiwa dan pengalaman individu.

Cerita rakyat boleh diertikan cerita zaman dahulu yang berkembang di kalangan masyarakat di suatu daerah yang menceritakan suatu kejadian yang kebenarannya belum diketahui sampai sekarang. cerita ini biasanya di sampaikan secara lisan dan turun-temurun kepada anak dan cucunya. Antara ciri ciri cerita rakyat ialah ceritanya diceritakan secara lisan, kebenarannya belum tentu benar ataupun salah. Seterusnya banyak mengandung nilai-nilai luhur dan tidak memiliki pengarang. Cerita rakyat juga mempunyai banyak variasi. Antara jenis-jenis cerita rakyat yang ada ialah mitos. Bermaksud cerita yang memilki unsur-unsur makhluk halus. Seterusnya ialah legenda

yang bermaksud cerita pada zaman dahulu. Dongeng pula adalah cerita yang tidak benar-benar terjadi. Dan fabel cerita yang tokoh utamanya adalah binatang.

Dikir Labo dikelompokkan dalam kumpulan genre dikir atau zikir iaitu salah satu genre puisi Melayu tradisional (Harun Mat Piah : 1989). Kenyataan ini dikeluarkan oleh para sarjana kesusasteraan Melayu tradisional tanah air terutamanya Harun Mat Piah dalam bukunya *Puisi Melayu Tradisional* (1989 : 529). Secara keseluruhannya, perbincangan dikir ini masih kabur kerana penekanan para pengkaji dalam menyelidik tentangnya belum menyeluruh. Contoh-contoh kajian yang pernah dibuat seperti yang disunting oleh Khoo Kay Kim (1997 : 53) dalam bukunya *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II* hanya membicarakan secara ringkas perkembangan Dikir Laba di Kelantan dari tahun 1930-an hingga sekitar tahun 1990-an. Di dalam kedua-dua buku tersebut mereka hanya menyentuh secara umum tentang Dikir Laba tanpa disokong oleh kajian yang mendalam tentangnya.

Lantaran itu, dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji akan memberi penekanan khusus tentang genre puisi tradisional ini untuk melihat aspek-aspek penting yang meletakkannya sebagai sebuah genre yang unik dalam masyarakat Melayu. Kajian dan perbincangan tertumpu kepada aspek asal usul, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya, kaedah ia dipersembahkan, dan falsafahnya dalam masyarakat Melayu dari dahulu sehingga sekarang.

Untuk memastikan hasil yang diperoleh melalui kajian ini boleh diterima sebagai sumber ilmiah, penulis telah turun ke lapangan iaitu ke tempat atau lokasi dikir ini amat popular dari tahun 1920-an sehingga sekarang. Pengkaji mendapat sumber pertama penjelesan tentang persoalan-persoalan ini dengan menemubual tokoh-tokoh lama dan baru yang masih bergiat cergas serta berperanan dalam mempopularkan dikir ini dari tahun 1930-an sehingga sekarang.

Selain itu, pengkaji turut merujuk kepada hasil kajian yang sudah sedia ada, iaitu berdasarkan kajian-kajian sebelum ini. Diharapkan hasil kajian ini mampu menjadi salah satu sumber rujukan para pengkaji puisi tradisional selepas ini untuk mengenal

dan melihat definisi, asal-usul, sejarah perkembang dan falsafah yang disumbangkan kepada masyarakat pengamalnya.

Dikir laba ialah sejenis puisi Melayu tradisional yang dikelompokkan di dalam kumpulan puisi Dikir atau Zikir. Sebelum dibincangkan secara mendalam definisi dikir/zikir, pengkaji tertarik kepada beberapa pendapat tokoh sasterawan tentang maksud puisi tradisional iaitu untuk melihat dengan lebih jelas kedudukan Dikir Laba dalam kesusasteraan Melayu tradisional.

Perkataan puisi diambil daripada perkataan Belanda, iaitu *poestie* (Inggerisnya *poetry*) bermaksud karangan berangkap yang mementingkan persajakan, irama, senikata dan diksi. Mengikut Za'aba (1965 : 218), puisi ialah karangan berangkap khas, digunakan untuk melafaskan fikiran yang cantik dan bahasa yang indah, melukis kemanusiaan dan kecantikan bahasa. Dengan gambaran yang cantik ini perkara yang dikatakan itu bertambah menarik pada hati orang yang mendengarnya.

Mengikut William Wordsworth (*Perface to the Lyrical Ballads: 1800*), puisi adalah pengucapan tentang perasaan ghairah yang imaginative, biasanya berentak dan berirama, merupakan pengucapan dan curahan perasaan yang kuat secara spontan dan diingatkan kembali dalam suasana yang tenang.

Rumusannya, puisi adalah barisan atau susunan kata-kata yang berangkap dan berentak iaitu berirama. Ia merupakan pengucapan perasaan dan mengandungi nilai-nilai pemikiran serta disampaikan dalam bahasa yang indah dan berkesan. Dikir ialah salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional. Ia berdiri sebagai sebuah genre di samping genre-genre puisi tradisional yang lain seperti pantun, syair, gurindam, rejang, endoi, rubai, nazam, masnawi, ghazal, berzanji, qit'ah, seloka, talibun, peribahasa, teromba, mantera. Menurut Harun Mat Piah (1989 : 526), dikir ialah puisi yang tak tentu bentuknya. Mengandungi baris-baris yang berturutan baik berangkap atau tidak, jika berangkap tidak tentu rangkap dan jumlah kata dalam sebaris, dalam baris tidak tentu barisnya.

Pada asasnya bentuk dikir ada persamaan dengan talibun, nazam, dan bahasa berirama. Puisi ini tergolong dalam dikir/zikir kerana bersifat keagamaan yang memuji Allah dan Rasul atau sebahagian riwayat hidup Rasullullah SAW. Menurut Harun Mat Piah (1989 : 528) lagi, puisi dikir juga merangkumi permainan permainan kesenian yang sama asalnya, tetapi telah hilang unsur-unsur agamanya hingga menjadi lebih dekat kepada hiburan seperti dikir laba, dikir barat, dikir rebana, dan dikir timur yang semuanya terdapat di negeri Kelantan. Berdasarkan seni kata Dikir Laba jelas puisi ini berada dalam peringkat peralihan kerana ungkapan dan pemilihan kata-katanya terdiri daripada bahasa Arab yang betul dan bermakna, selain itu terdapat pula bahagian yang merupakan campuran Arab dan Melayu, katakata Arab yang tidak bermakna dan akhirnya bahasa Melayu yang baik dan bermakna.

Tambah beliau lagi, kata-kata Arab yang digunakan dan isi keseluruhan suatu untai dikirnya tidak berunsur keagamaan seperti yang terdapat dalam marhaban dan berzanji atau dikir Nabi Allah. Di sinilah timbul kelainan antara Dikir Laba dengan jenis dikir-dikir yang lain. Keunikannya terserlah pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an apabila dikir ini telah berjaya menyatukan umat Melayu Kelantan sehingga meredakan perbalahan masyarakat terutamanya dalam isu kafir-mengkafir, fitnah-mengfitnah dan sebagainya antara ahli Parti Islam Semalaysia (PAS) dan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO). Masyarakat Melayu Kelantan pada era 1970-an pada dasarnya boleh bersatu dalam perkara lain seperti dalam aktiviti masyarakat. Mereka boleh bergotong royong, berderai, menjaga keselamatan kampung dan sebagainya untuk menjaga keharmonian hidup sekampung. Namun, dalam permasalahan agama masyarakat Kelantan pada masa itu amat sensitif terutamanya tentang pegangan fahaman politik mereka. Sebabnya, pada pandangan mereka aspek politik turut melibatkan soal akidah iaitu berkait langsung dengan pegangan agama. Lantaran itu, dalam soal amalan agama seperti sembahyang mayat, kenduri maulud, solat hajat, solat berjemaah, penyembelihan haiwan, nikah kahwin dan sebagainya mereka adakan secara berasingan. Keadaan bertambah buruk apabila golongan agama dari kedua-dua parti ini saling bertelagah sehingga menimbulkan suasana perpecahan yang agak mencemaskan pada masa itu.

Dikir Laba telah berperanan sebagai alat pengimbang perpecahan di antara mereka kerana dalam satu keadaan yang dinyatakan tadi golongan agama saling berbalah antara satu sama lain, tetapi dalam masa yang sama mereka boleh bersatu dalam satu kumpulan Dikir Laba di kampung mereka. Bahkan golongan agama yang belajar di pondok-pondok inilah yang menjadi pelopor dan penggiat Dikir Laba di kampung-kampung. Dalam menjayakan aktiviti seni ini mereka bersatu dan bersepakat tanpa mengira fahaman politik yang mereka anuti. Keadaan ini yang kemudiannya mempercepatkan lagi proses penyatuan masyarakat Melayu Kelantan selepas bergabungnya Parti PAS dalam kerajaan Perikatan yang diterajui oleh Parti UMNO pada tahun 1974.

KAJIAN LITERATUR

Sejarah lisan adalah satu kaedah di mana kenang-kenangan seseorang tokoh yang dirakamkan secara wawancara. Tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat menyumbang maklumat bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Maklumat yang diperolehi dari wawancara tersebut kemudiannya disalin dan salinan itu selepas disemak dan ditaip dapat digunakan sebagai bahan pengajaran dan penyelidikan. Tradisi lisan, budaya lisan dan adat lisan adalah pesan atau kesaksian yang disampaikan secara turun-temurun dari satu generasi ke generasi berikutnya. Pesan atau kesaksian itu disampaikan melalui ucapan, pidato, nyanyian, dan dapat berbentuk pantun, cerita rakyat, nasihat, balada, atau lagu. Selain itu, sejarah lisan sebagai teknik dan metode kemudian juga digunakan oleh penulis-penuli sejarah dari zaman romawi, zaman pertengahan, dan zaman modern. Pada pertengahan pertama abad ke-19 sejarah lisan mendapat kritikan dari Leopold von Ranke yang mementingkan kesaksian-kesaksian dokumen. Meskipun demikian penggunaan istilah sejarah lisan masih terus berjalan. Dengan teknologi baru ini menjadi mudahlah pencatatan wawancara. Kesulitan teknik dalam mereka dan menyimpan sumber lisan sudah teratasi (Kuntowijoyo, 2003:26). Tulisan ini akan mencuba melihat kemungkinan-kemungkinan baru yang diperoleh dari sejarah lisan, bagaimana sejarah lisan memperkaya metode penelitian, menambah pengada sumber sejarah, dan terutama bagaimana memperkaya penulisan sejarah secara substantif. Selanjutnya akan dicuba pula memberi gambaran tentang usaha-usaha untuk mengembangkannya sejarah lisan dalam rangka penulisan sejarah nasional (Kuntowijoyo, 2003:26).

Sejarah lisan, menurut sejarawan Donald A. Richie (2003) dan Pusat Sejarah Lisan Universiti Kebangsaan Malaysia (2007) sejarah lisan "oral history" bermaksud sebagai suatu teknik untuk mengumpul memori-memori dan pengalaman yang bernilai sejarah yang dirakamkan melalui wawancara.

Berdasarkan pemahaman pengumpulan sejarah lisan berkait rapat dengan usaha untuk mendapatkan maklumat dan mendokumentasikan segala pengalaman sepanjang penglibatan didalam bidang yang diceburi mahupun kenangan peribadi tokoh dalam memberi sumbangan kepada masyarakat. Sejarawan seterusnya berpendapat bahasa sejarah lisan merupakan suatu kaedah penyelidikan sejarah, kaedah yang digunakan oleh penyelidik dalam mengumpul sumber sejarah berbentuk lisan sebagai suatu cara melengkapkan rekod bertulis (Nadzan Haron, 2012).

Menurut Doktor Haeri Kim, cerita rakyat dikongsi kepada masyarakat untuk menghiburkan, memberi pelajaran kepada orang ramai. Selain itu untuk mengekalkan budaya masyarakat tersebut. Beliau juga menyatakan dalam artikel beliau yang bertajuk peranan cerita rakyat, cerita rakyat memainkan peranan penting dalam budaya sesebuah masyarakat. Selain itu, cerita rakyat juga dapat merapatkan masyarakat tersebut.

Dikir Laba merupakan genre puisi tradisional Melayu yang amat terkenal di kawasan Pantai Timur Malaysia terutamanya di negeri Kelantan. Lokasi penyebarannya turut meluas sehingga ke negeri Terengganu terutamanya daerah Besut, Setiu, dan Jertih. Selain itu, pengaruhnya juga turut melebar ke Selatan Thailand iaitu tersebar di daerah Takbai hinggalah ke Pattani. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengali rahsia genre ini dari aspek definisi, asal usul, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya,, kaedah ia dipersembahkan, dan falsafahnya dalam masyarakat.

Dikir Laba- asal dari nama labah-labah (labo dlm bahasa kelate- labah-labah dan bentuk bulatan kumpulan pendikir merujuk kepada pembentukkan sarang labah-labah yang saling berkaitan). Ia merupakan satu nyanyian berkumpulan dalam bentuk bulatan. Jumlah peserta dalam 9-10 orang dan keistimewaannya TIDAK menggunakan alat muzik tetapi vokal suara semata-mata. Lagu yang dinyanyikan adalah dalam bahasa Arab lama. Unikny, mereka sendiri tidak memahami apa yang mereka lagukan.kekuatan dikir ini terletak pada suara

ketuanya yang dikenali dgn nama Tok Jogho Kalau anda lihat di dalam gambar, tok jogho akan berada ditengah dan dikelilingi oleh pendikir yang lain Pendikir yang di bahagian tepi sekali biasanya akan berdiri (juga memiliki kipas) Dikatakan kipas itu seperti pemberi semangat dan angin kepada orang yang duduk di tengah terutama tok jogho apabila mendikirkan lagu pada bahagian vokal yang tinggi dan merdu. (ini yang menentukan pemenang kalau ada pertandingan antara 2 kumpulan pendikir laba). Budaya ini terkenal di daerah Kota Bharu, Tumpat, pasir Mas dan sekitark Machang Malahan telah ada pertandingan di antara kampung. Pakaian pertandingan biasanya seragam seperti tshirt dengan tertera nama kampung masing-masing 'Semutar' atau kain lilit di kepala merupakan satu trend masyarakat Kelantan yang selalu mereka pakai sewaktu berdirikir kalau dulu, golongan tua sahaja yang berminat tapi kini telah ada golongan muda mendekatinya seni dikir ini. Dikatakan pada zaman dahulu, golongan lebai dan alim begitu meminati dikir ini. Lazim bagi masyarakat Kelantan setelah penat bertani dan berkebun di siang hari, maka dikir ini merupakan hiburan di waktu malam. Pentas dikir ini kalau dahulu dimainkan di atas wakaf atau serambi umah tetapi kini telah dibangunkan pondok khas bagi pengiat berlatih atau pertandingan. Kehebatan Dikir Laba tesimalah pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an apabila dikir ini telah berjaya menyatukan umat Melayu Kelantan sehingga meredakan perbalahan masyarakat terutamanya dalam isu kafir-mengkafir, fitnah-mengfitnah dan sebagainya antara ahli parti PAS dan UMNO. Pengkaji amat tertarik dengan keunikan ini dan cara Dikir Laba berperanan dalam masyarakat. Sudah diketahui umum dikir ini tidak mempunyai makna dan di dalam bait-bait katanya dan secara keseluruhannya ia tidak menyelitkan apa-apa tema, persoalan mahupun pengajaran kepada pengamal dan pendengarnya. Namun permasalahannya mengapa dikir ini boleh diterima dan diminati oleh seluruh penduduk Kelantan pada masa itu sehinggakan mampu berperanan sebagai alat penyatuan masyarakat. Pada pendapat pengkaji, permasalahan dan rahsia ini perlu dicari dan dibongkarkan kepada masyarakat untuk melihat falsafah dan pemikiran yang terhasil daripada keunikan Dikir Laba.

TRANSKRIP TEMUBUAL

Bismillahirrahmanirahim. Nak perkenal diri saya dulu *deh* [kan]. Nama saya Mohamad Syauqi, ni Ain. Saya dengan dia ni pelajar UiTM Machang [Universiti Teknologi MARA kampus Machang], mari sini *nok* [hendak] tanya pasal Dikir Labo memenuhi keperluan subjek kami [IMR 604].

Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

S : Syauqi
R : Rahman
A : Ain

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

S : Boleh saya tahu nama penuh Encik?

R : Nama penuh Abdul Rahman bin Abdullah.

S : Apakah nama panggilan Encik?

R : Pokmey.

S : Berapakah umur Encik?

R : Umur *Ioni* [sekarang] *enam puluh tiga* [63] *on the dot* [tepat].

S : Apakah tarikh lahir Encik?

R : *dua puluh tujuh* [27] hari bulan *enam* [6] tahun *sembilan belas lima puluh empat* [1954]

S : Dimanakah Encik dilahirkan?

R : Asal kampung Paloh, Palekbang, Kelantan.

S : Dimanakah Encik mendapatkan pelajaran?

R : Nak *start* [mula] dari sekolah rendah *ko?* [ke]. Saya sekolah rendah Sekolah Kebangsaan Morak. *Lepahtu* [selepas itu] SK [sekolah kebangsaan] Kampung Laut. *Lepahtu* [selepas itu] Sekolah Menengah Sultan Ismail Petra [SMIP], *lepahtu* [selepas itu] ke UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] *lah* [pelengkap ayat]. Saya *Bachelor Degree* [Ijazah Kepujian] di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia] dalam bidang Sains Kemasyarakatan. *Major* [bidang] sayanya ialah Pengajian Melayu dan interpologi.

S : Pada tahap manakah Encik berjaya menamatkan pelajaran?

R : *B.A HONS* [ijazah kepujian] di UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia]

S : Apakah pekerjaan Encik?

R : Saya kerja sebagai pegawai tadbir Negeri ataupun *ore* [orang] panggil A.D.O [pegawai tadbir negeri] *lah* [pelengkap ayat] selama *tiga puluh tiga* [33] tahun dan berpencen pada *dua ribu tiga belas* [2013] *baruni* [baru-baru ini].

S : Dimanakah Encik bekerja?

R : *Mace-mace* [macam-macam]. *Rato-rato* [rata-rata]. Sebagai A.D.O [pegawai tadbir negeri] kita kerja di pejabat tanah dan ada juga dipinjam di jabatan-jabatan. Dengan sebab itu saya pencen sebagai Pengarah Muzium Negeri. Tempat *kijo* [kerja] saya terakhir.

S : Sektor swasta mahupun kerajaan?

R : *Kijo* [kerja] *kerajae* [kerajaan] negeri.

S : Pada tahun berapakah Encik mula bekerja?

R : Tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] Sebenarnya tahun *sembilan belas lapan puluh satu* [1981] sebagai guru, *dua* [2] tahun setengah *gitula* [lebih kurang]. Tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] boleh A.D.O [pegawai tadbir negeri], boleh pegawai tadbir negeri *start* [mula] *kijo* [kerja] dengan pegawai tadbir negeri tahun *sembilan belas lapan puluh tiga* [1983] di kuala krai (Kelantan) masa itu, pejabat tanah kuala krai, *first* [mula] *appointment* [penlantikan] saya di kuala krai. *Lepahtu* [selepas itu] S.U.K [setiausaha negeri Kelantan], *lepahtu* [selepas itu] *rato-rato* [rata-rata], *mace-mace* [macam-macam], *pasir mas*, *tumpat*, *bachok* (Kelantan), *kijo* [kerja] di pejabat air Kelantan, banyak tempat.

S : Apakah pekerjaan yang Encik lakukan pada masa kini?

R : Pencen. Dan saya semasa di universiti lagi tu pun lagi saya meme *latar belakei* [latar belakang] kebudayaan. Keluarga saya pun, *kiro* [kira] daripada keluarga la asal pun orang *mene* [terlibat dengan kebudayaan], orang-orang budaya, jadi saya ni *kecik-kecik* [kanak-kanak] lagi saya telah terlibat dengan kebudayaan.

S : Siapakah nama isteri Encik?

R : Isteri *hok* [yang] pertama Esah binti Harun. *Oyak* [bagitahu] *hok* [yang] pertama *sudoh* [sudah] (sambil gelak ketawa). *Hok* [yang] kedua *hok* [yang] ni. Ni (sambil menunjuk rumah) teratak yang kedua. *Hoktu* [sebab] kalau *duk* [tinggal] rumah *nuh* [sana] *payoh* [susah] nak *kecek* [cakap] *tuh* [itu] *kalu* [kalau] nak mari sini. Ada orang *duk* [berada] *sebeloh* [sebelah] *kei* [kan], *tok* [tidak] sedap.

S : Berapa orangkah jumlah cahaya mata Encik?

R : Anak ada *sepuluh* [10]. *Hok nuh* [sana] ada *lapan* [8], sini ada *dua* [2].

S : Pada tahun berapa Encik menamatkan zaman bujang?

R : *Sembilan belas tujuh puluh tujuh* [1977].

S : Siapakah nama anak sulung Encik?

R : Mohamad faizul fattan.

S : Umur berapakah dia sekarang?

R : *tiga puluh empat* [34]. *Jolo doh raso* [rasa sudah betul] tahun *sembilan belas lapan puluh satu* [1981], *tiga puluh tiga* [33].

S : Sudah berkahwin ke belum?

R : Kahwin *doh* [sudah].

S : Sudah berkerja atau masih belajar?

R : Saya tak tahu nama syarikat dia, tapi dia *engineer* [jurutera] bahagian cari gali minyak. *Buke* [bukan] dengan Petronas tapi dia *kijo* [kerja] dengan syarikat Kanada. Membekal alat-alat untuk cari gali. Paip-paip untuk cari gali. Di pelantar *nuh* [sana] *dia* tapi *dia* banyak luar lah. Antarabangsa pun ada (sambil ketawa kecil), mesyuarat di Texas (Amerika Syarikat). *Dia engineer* [jurutera] Petronas, daripada Universiti Petronas.

S : Berapakah jumlah cucu Encik?

R : Cucu *loni* [sekarang] ada *empat* [4].

S : Siapakah nama anak bongsu Encik?

R : Anak bongsu, Fatin Nurbayya.

S : Berapah umurnya sekarang?

R : Umur--, *tokleh* [tak boleh] nak *oyak* [bagitahu] *ambo* [saya], diploma di UiTM Mache lah [Universiti Teknologi MARA kampus Machang]. *Sembilan belas* [19]. Dia buat *Science Computer* [computer sains].

S : Siapakah yang selalu memberi dorongan kepada Encik?

R : *Sapodio eh?* [siapa], mak dengan ayah *dok* [tidak], *ore* [orang] kampung *kei* [kan], *takdok* [tiada] rumah *sokmo* [selalu], *gi* [pergi] jual, mak ayah saya *gatih* [mengayuh] teksi, tapi *hok* [yang] marinya, daripada *kecik* [kecil] ni saya ada perasaan nak *ngaji* [belajar] *doh* [sudah]. *Lepahtu* [selepas itu], saya *gi* [pergi] duduk dengan orang *hok* [yang] macam berjaya-berjaya. Saya *gi* [pergi] duduk rumah dia, *gi* [pergi] belajar dengan dia, macam Dr. Fatimah Daud. Professor *loni* [sekarang], dia kontrak dengan U.I.A [Universiti Islam Antarabangsa] saya rasa *loni* [sekarang]. Dulu dia pensyarah di UM [Universiti Malaya]. Adik beradik dia tu universiti *blako* [semua]. Jadi saya *gi* [pergi] *duk* [berada] rumah dia, belajar matematik, belajar bahasa inggeris, *prekso* [peperiksaan], bilo kita *pass* [lulus]

SRP [sijil rendah peperiksaan] tu, *molek* [elok] *result* [keputusan] *kei* [kan], dia suka, ada hadiah. Ni la keluarga *hok* [yang] jadi *gotu* [benda] saya, *hok* [yang] jadi saya letak *depe* [depan] saya. Pasal dia, peringkat awal dia berjaya *doh* [sudah], dia universiti *doh* [sudah], *gi* [pergi] *ngaji* [belajar] England. Jadi kita tu, mak tanya, bukan nak *perlengkeh* [perli] dia *dih* [pelengkap ayat], tadi *gi* [pergi] *ngaji* [belajar] *ko* [ke] *dok* [tidak]? *Gi* [pergi], Quran *ngaji* [mengaji] *ko* [ke] *dok* [tidak]? [mengaji], *takpo* [tidak apa]. Kalau kita ponteng pun, *takdok* [tidak] tahu *mugo* [kerana] dia, turun pagi, *male* [malam] baru balik. Kalau kita *tokgi* [tidak pergi] *skoloh* [sekolah] *gapo* [apa] *kei* [kan], masa tu ramai budak-budak, sepupu sepupu *tokgi* [tidak pergi] *skoloh* [sekolah], tapi saya kalau *tokleh* [tidak boleh] *gi* [pergi] *skoloh* [sekolah], saya *tokleh* [tidak boleh], *triok* [menangis], melaung. *skoloh* [sekolah] rendah melaung saya kalau *tokgi* [tidak pergi]. mak ayah kata, hari ni *toksoh* [tidak perlu] *gi* [pergi] *skoloh* [sekolah] la *takdok* [tiada] duit, saya *laung* [menjerit]. Saya *gi* [pergi] *jugok* [juga]. (bunyi isteri mencelah) *pahtu gak* [selepas itu], masa rehat dia *buat gi* [hantar] nasi, nasi bungkus. Nasi bungkus buat *gi* [pergi] pun siap dengan ikan bakar. (bunyi isteri mencelah).

S : Siapakah sumber inspirasi Encik?

R : *Loloni?* [sekarang] *Loloni* saya *tokleh* [tidak boleh] nak letak *sapo-sapo* [siapa-siapa]. *Srupo* [sama] orang tu *lagutu* [macam itu] orang ni *laguni* [macam ini]. Tapi saya daripada dulu lagi orang *hok* [yang] saya tabik dalam hal melayu, Mahathir (Tun. Dr. Mahathir Mohamad). Tapi *loni* [sekarang] saya pun, *tengok* [lihat] dia pun, saya *gerei* [geram] *doh* [dah] dia pasal *napok* [nampak] *gotu* [begitu] *dooh* [sangat], peribadi *tlajok* [sangat] *loni* [sekarang]. Kalau dulu saya, hebatlah, dia seorang hebat bagi saya. Dia ni jenis *create* [cipta] *millionaire* [jutawan]. *Dua belas* [12] orang melayu dia boleh buat jadi *millionaire* [jutawan]. Daripada *Dua belas* [12] orang ni *pulok* [lagi] jadi boleh *koho* [semakin] ramai orang *millionaire* [jutawan]. Dan ado seorang tu, masa tu saya setiausaha MAKSAD [Majlis Sukan] Kelantan, mari setiausaha Agung MAKSAD, Ayaidora namo dia, MAKSAD [Majlis Sukan] Malaysia. Mari dia ni, saya *bui* [bagi] kereta *ko* [kepada] dia, saya *round* [jalan-jalan], *jale* [jalan] dengan dia, dia *oyak* [bagitahu] kata, *you* [kamu] nanti tengok *satu* [1] hari, *you* [kamu] mesti sebut Mahathir (Tun. Dr. Mahathir Mohamad). Dia ni orang singh. Tapi dia setiausaha MAKSAD la, di jabatan perdana menteri tu dia kerja. Sebab dia kata dia (Tun. Dr. Mahathir Mohamad), buat gini-gini, jadi saya duk *prati* [lihat] pun dia betul. Tapi bila kata jangan duduk sekali dengan orang ni, orang ni *belarok* [berkumpul] haram, akhir skali, dia skali dengan *kawe* [orang] tu *belarok* [berkumpul], jadi saya pun, *loni* [sekarang] saya *anti* [tak suka]. Saya kata 'ahh Dr. Mahathir'. Sungguh. *Loni* [sekarang] Nampak *dooh* [sangat]. Bila dia nak bela *dooh* [sangat] anak dia,

jadi peribadi. Saya tak *brehi* [suka] gitu. *Hok* [yang] mana dia kata dulu pun, *dok* [tidak] *doh* [sudah] *loni* [sekarang]. Jadi kata *hok* [yang] lain pulok *kei* [kan]. Dulu kita ikut *doh* [sudah], semangat kita, walaupun saya pegawai tadbir negeri, Tok Guru (Tok Guru Nik Aziz bin Nik Mat) jadi pentadbir negeri, saya *buke* [bukan] PAS (Parti Agama seMalaysia), saya UMNO (United Malay Nation Organization). Betul. Saya suka UMNO (United Malay Nation Organization). Keluarga saya, daripada ayah saya, saya UMNO (United Malay Nation Organization). Bahkan saya ni pernah menjawat jawatan ketua penerangan UMNO (United Malay Nation Organization) jajahan Tumpat (Kelantan). Tapi-- Najib (Dato Sri Najib Tun Razak), bagi saya ni, dia banyak silap la. Kesilapan paling besar skali, dia takut *ko* [kepada] *bini* [isteri] dia. Contoh dia takut *ko* [kepada] *bini* [isteri] dia, *bla* [biar] la awak rekod pun *dih* [kan], dia *tokleh* [tidak boleh] nak *oyak* [bagitahu] *ko* [kepada] *bini* [isteri] dia pakai tudung la. *Satu* [1] tu *jah* [pelengkap ayat] *dok* [tidak]. Kita payah nak jawab *ore* [orang] soal kita. pakai tudung *jah* [sahaja]. Ni nak perintah Negara, *bini* [isteri] suruh pakai tudung pun *tokleh* [tidak boleh]. Jadi situ lemah Najib (Dato Sri Najib Tun Razak), walaupun dari segi pentadbiran dia boleh buat *tubik* [keluar] banyak benda. Banyak idea. Tapi ni *hok* [yang] penasihat *keliling* [sekeliling] dia *blako* [semua]. Tapi dia, cumanya, dari segi membela melayu, dia *still* [masih] *on* [buat] lah. UiTM [Universiti Teknologi MARA], *you* [kamu] *all* [semua] kalau *takdok* [tiada] UiTM [Universiti Teknologi MARA], *sorry* [maaf] awak nak masuk universiti. Kampung ni *kei* [kan], *blana* [ramai] anak-anak cina *Sembilan* [9] A *tokleh* [tidak boleh] *gi* [pergi] universiti. Mari jumpa saya. “pokmey, tolonglah kita ni, anak kita *Sembilan* [9] A pokmey, *bakpo* [kenapa]

tokleh [tidak boleh] *gi* [pergi]. Ada *ore* [orang] boleh *enam* [6] A boleh *gi* [pergi]”.
Ramai ni kampung ni. *Ngaji* [belajar] kolej swasta. *Pahtu* [selepas itu] kalau di universiti sendiri pun, di U.S.M [Universiti Sains Malaysia], hospital *loni* [sekarang] *hok* [yang] ada doktor-doktor *duk* [sedang] buat pelatih tu *dih* [kan], kalau awak betul-betul *compete* [lawan] dengan dia, awak tak boleh *compete* [lawan] dengan dia. Pelatih-pelatih doctor contoh, melayu ni *kei* [kan], pensyarah *duk* [sedang] *oyak* [bagitahu], *gi* [pergi] dekat *ore* [orang] sakit, masa *duk* [sedang] *oyak* [bagitahu], melayu *duk* [berada] *blakei* [belakang], *duk* [sedang] *gini* [begini] (sambil buat reaksi malas), cina *duk* [berada] depan. Dalam sejam *pulok* [pula], mari *pulok* [pula] *dua* [2] *ore* [orang]. Mari tanya balik, pakcik, *goni*, *goni* [macam-macam]. Melayu, hmm. Dia sungguh, kalau dia kata dia boleh *concentrate* [fokus] pun betul. *Hok* melayu, saya *tokleh*, *lima* [5] *enam* [6] *ore* [orang]. Melayu adalah *sepuluh* [10] *ore* [orang] *sebelas* [11] *ore* [orang], tapi saya tengok dalam *sepuluh* [10] *ore* [orang], jarang *ore* [orang] *hok* [yang] betul-betul nak *concentrate* [fokus]. Doktor pensyarah dia *oyak* [bagitahu], dia ni siap buku lagi, sakit *gapo* [apa], simptom *gapo* [apa], *belek* [membelek] buku, *pah* [lepas itu] mari *pulok* [lagi], ulang *pulok* [lagi] mari. malam-malam pun *ore* [orang] sakit nak tidur, *gi* [pergi] *gerok* [kejut]. India, cina. Kalau tidak kerana pentadbiran politik ni *kei* [kan], awak tak terjaga habis. *Hokni* [yang ini] kita paling takut skali. Awak tidak terjaga, UiTM [Universiti Teknologi MARA] *takdok* [tiada], nak *ngaji* [mengaji] kolej? Saya *staro* [setakat] anak saya *ngaji* [belajar] Petronas (Universiti Petronas) *kei* [kan], *pecoh palo* [pecah kepala]. Saya ketika tu gaji *tiga ribu* [3000] lebih *doh* [sudah] sebulan. kita *tokleh* [basiswa], Petronas *tok* [tidak] *bui* [bagi].

Sakit *palo* [kepala]. Mahal. *Pah* [lepas] *ore* [orang] cina, dia kata “*emph, tokleh* [tidak boleh] *ngaji* [belajar] kolej sini la pokmey, kita hantar anak kita *ngaji* [belajar] England ”. *doh* [sudah] *Sembilan* [9] A.

S : Sejak bila wujudnya minat untuk berdirik?

R : Saya ni *buke* [bukan] berdirik saja. *Nok* [nak] *oyak* [bagitahu], *semo* [semua] *meney* [mainan] saya *brehi* [suka] *blako* [semua]. Bahkan dikir barat ni, masa saya budak-budak dulu, saya masa tu tingkatan *lima* [5]. Berlatih dikir barat ni di rumah saya. tempat latihan dikir barat di rumah saya. Ayah saya *gendey* [bermain gendang]. Orang mari, budak-budak mari. *Bule-bule* [berbulan-bulan], ado *pasuke* [pasukan] tu, *sapa* [sampai] boleh nombor *tiga* [3] peringkat Malaysia tanding. *Hok* [yang] berlatih rumah saya. (bunyi teguran orang dari luar) Wayang kulit, saya *hok* [yang] *gotu* [merujuk kepada] sayanya. Wayang Kulit, (bunyi teguran orang dari luar) hok macam *master* [bidang] saya. Saya duk U.K.M [Universiti Kebangsaan Malaysia] pun saya buat thesis [kajian] Wayang Kulit. (pokmey menegur tetamu) Dikir barat, silat, *serbo* [semua] dia *oyak* [bagitahu]. Macam dikir labo ni, saya *duk* [tinggal di] universiti *ko* [pelengkap ayat], saya *duk* [tinggal di] maktab masa tu *dih* [kan], saya balik cuti, ado *training* [latihan] dikir labo *nuh* [merujuk kepada tempat jauh], saya *gi* [pergi] *slaluh* [terus] dengan ayah saya. Ayah saya pun berdirik. Ayah saya, *pok sedaro* [bapa saudara] saya, orang dikir labo *blako* [semua], jadi kita *join* [masuk], hoktu saya jadi tahu lagu dia *gaposemo*

[kesemua] *pah* [sampai] ke *loni* [sekarang] saya tahu. Kampung kita kampung morak ni, salah satu pasukan dikir labo yang *soho* [terkenal] *jugok* [juga]. *soho* [terkenal]. *Kalu* [kalau] *berlawe* [berlawan], dulu banyak pasukan dikir labo, *kalu* [kalau] *berlawe* [berlawan] *gak* [pelengkap ayat], morak ni salah satu pasukan pasukan orang *gerun* [takut] la. Ayah saya ni *hok* [yang] bahagian *soro* [suara] halus sekali. Jerit muse. *Kalu* [kalau] *takdok* [tiada] dia *tok* [tidak] *berlawe* [berlawan] ni pasukan morak ni. *Kalu* [kalau] dia sakit *ko* [ke] *deme* [demam] *ko* [ke] dia *tokleh* [tidak boleh] dikir, dia *sore* [seorang], *tok sedaro* [datuk saudara] saya *sore* [seorang], pokteh *nuh* [sana] saya tu *kei* [kan] (percakapan menuju kepada tetamu), *Kalu* [kalau] *takdok* [tiada] *dua* [2] orang ni, morak sanggup dikir pun, tolak. *Tokleh* [tidak boleh] dikir dia kata, orang kita sakit. Haa ayah saya masa tu, tapi takdok anak-anak dia mewarisi *soro* [suara] dia. *Soro* [suara], saya pun (pokmey mengeluh) *bo-bo* [cukup-cukup] jah. *Bo-bo* [cukup-cukup] *sapa* [sampai] *Kalu* [kalau] *demo* [mereka] tinggi sikit *gak* [pelengkap ayat], pupp, putus *jugok* [juga]. *Tokleh* [tidak boleh] *jugok* [juga] saya. Kira saya ni diantara adik beradik saya ni, saya antara orang, suara yang, suara molek (sambil ketawa kecil). Saya *tanding* [bertanding] nyanyi pun saya *gode* [dapat] johan ada *jugok* [juga]. Masa ni karaoke-karoeke ni.

S : Adakah Encik mulakan dengan Dikir Barat?

R : Wayang kulit, dengan silat. Saya *enam* [6] tahun, abang saya *dua* [2] orang [orang], *gendey* [gendang], saya boleh palu gong *doh* [sudah]. Saya masa saya umur *enam* [6] tahun. Boom boom (cuba membunyi gong dengan mulut) buatlah, saya boleh. *Enam* [6] tahun lagi saya ingat *masa* [masa] tu. *Mugo* [kerana] *tok* [tidak] sekolah lagi *kei* [kan]. *Duduk* [tinggal] di rumah *mok sedaro* [ibu saudara]. *Abe* [abang] *dua* [2] beradik, abe heng *nga* [dengan] abe mey (percakapan sambil menuju kepada tetamu), dia *jong* [yang] *gendey* [gendang], saya *jong* [yang] paloh gong.

S : Bila wujudnya minat untuk berdirik Labo?

R : Dikir labo ni, saya *duk* [tinggal] maktab *tahun Sembilan belas tujuh puluh lima-sembilan belas tujuh puluh enam* [1975-1976]. Sebelum *pado* [pada] *tu* [itu] lagi pun. Saya tingkatan *lima* [5] tahun *sembilan belas tujuh puluh satu* [1971]. *Kalu* [kalau] saya ada peluang, saya *gi* [pergi] dekat dikir labo. Pasal, ikut ayah *kei* [kan], *kalu* [kalau] kita tak minat kita tak ikut *jugok* [juga], ni kita minat, ayah *gi* [pergi], berlatih. Ayah saya *pulok* [pula], dia *keno* [kena] *berekey* [bawa bersama] *nga* [dengan] saya. *Kalu* [kalau] tidak, kena marah *nga* [dengan] mak saya. *tubik* [keluar] *drumah* [rumah] malam-malam, *kelik* [balik] kei dok, *kalu* [kalau] saya *ngekor* [ikut sekali] ada *lisen* [boleh pergi] *la* (sambil ketawa kecil). Ada *lisen* [boleh pergi] *la gi* [pergi] dengan saya. Mak saya tak marah.

S : Adakah Dikir Labo dianggap sebagai suatu hobi bagi Encik?

R : (sambil berfikir) Hobi *kalih* [mungkin]. Hobi dan *loninyo* [tujuan sekarang] *nok gotu soro* [nak berlatih suara]. dia bila kita dikir labo ni, kita *terey* [menekan] *soro* [suara] kita *kei* [kan] jadi, biasa jadi *power* [hebat] lah. Jadi *power* lah *soro* [suara] kita. *nok* [hendak] *ko* [kepada] *hoktu* [itu]. Dulu nak *soro* [suara] *power* [hebat] ni nak buat nyanyi. *loni* [sekarang] nak *ko* [ke] *soro* [suara] *power* [hebat] nak buat *bey* [azan] *pulok* [pula]. Tukar *position* [posisi], nak jadi tok bilal (sambil ketawa kecil). Sungguh.

S : Apakah peranan Encik dalam Dikir Labo?

R : *Kalu* [kalau] dulu ikut-ikut gitu *jah* [sahaja], *kalu* [kalau] macam *loni* [sekarang] ni, budak-budak ni letak saya macam, (syauqi mencelah dengan bertanya) haaaa (pokmey mendapat jawapan kepada soalan). Tidak, *soro* [suara] yang ke *tiga* [3]. Dia panggil *nekok* [watak dalam dikir labo] (bunyi isteri bercakap dengan tetamu). Dia *uba manis*, *uba*, *nekok* [watak dalam dikir labo]. Daripada *hokni* [ini] dia *gi* [pergi] kepada *jerik*. Dia *empat* [4]. Daripada *hok* [yang] ke *tiga* [3], sini saya boleh. Baru dia *gi* [pergi] *ko* [kepada] *jerik*. *Jerik* ni saya tak buat. *Kade-kade* [kadang-kadang] *jah* [pelengkap ayat]. (bunyi isteri menegur tetamu) *Kade-kade* [kadang-kadang] saya *jerik*. Tapi tak *tubik* [keluar]. Tidak sebagaimana *hok* [yang] dikehendaki lah.(bunyi isteri bercakap dengan tetamu). *Kalu* [kalau] tempat

berlawe [berlawan] tak jerik langsung lah. Takut *punoh* [rosak] *kei* [kan]. *Punoh* [rosak] *nada soro* [suara], *tangga soro* [suara] takut *punoh* [rosak] sebab kita tak sampai.

S : Apakah pencapaian Encik bersama Dikir Labo sewaktu dahulu?

R : Dulu *takdok* [tiada]. Dulu *takdok* [tiada] *peseng* [jenis] Peringkat Negeri anjur *tanding* [pertandingan] boleh piala *gapo* [apa] *takdok* [tiada]. *First time* [kali pertama] *baruni* [baru-baru ini] *jah* [pelengkap ayat] buat. *Baruni* [baru-baru ini] kerajaan negeri buat tahun lepas bulan ogos, *tanding* [pertandingan] pun 4 [empat] pasukan *jah* [pelengkap ayat] ada. *Tulah* [itulah] saya tengok dikir labo dipertandingkan dengan ada piala. Kalau tidak *gak* [pelengkap ayat], kampung ni *lawe* [lawan] kampung ni, *mu* [kamu] kata *mu sedak* [sedap], *aku* kata *mu* [kamu] *sedak* [sedap] *gak* [pelengkap ayat] *kelik* [balik]. *Gi lawe* [lawan] pasir mas. *Berlawe* [berlawan] *pak jawi bunut susu* [Pasir Mas, Kelantan]. Dulu banyak *nuh koknuh* [terletak di] pasir mas [Kelantan] banyak pasukan.

S : Adakah Dikir Labo ini diwarisi oleh nenek moyang Encik?

